

**Dr Mahathir jumpa polis hari ini berhubung kritikan terhadap Najib
Malaysian Insider
Nov 6, 2015**

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang disiasat kerana kemungkinan melakukan kesalahan fitnah, akan bercakap dengan polis hari ini ketika pihak berkuasa menyiasat kritikkannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Pegawai khas kepada Dr Mahathir, Sufi Yusof menerusi teks pesanan ringkas berkata pemimpin paling lama berkhidmat itu akan bertemu polis hari ini.

Bulan lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pihak berkuasa membuka beberapa kertas siasatan susulan laporan yang dibuat terhadap Dr Mahathir.

Siasatan mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan itu berkaitan kesalahan memfitnah.

Dr Mahathir, 90, ketika ini giat berkempen menyingkirkan Najib, malah sebelum terjadinya skandal pembiayaan dikaitkan dengan perdana menteri yang menyemarakkan ketegangan politik dan membawa beribu penunjuk perasaan anti kerajaan mengadakan perhimpunan di ibu negara.

Tuduhan terhadap Najib, yang melibatkan firma pelaburan milik negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB), membimbangkan pelabur asing terhadap pasaran di negara dengan ekonomi ketiga terbesar di Asia Tenggara itu.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dilaporkan berkata, Dr Mahathir akan disoal berhubung komen yang dibuat beliau pada perhimpunan anti kerajaan yang diadakan pada akhir Ogos lalu.

Bekas pemimpin itu muncul dua kali pada perhimpunan 34 jam di ibu negara itu yang dianjurkan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil, atau lebih dikenali sebagai Bersih.

Lebih setahun lalu, Dr Mahathir berkata beliau menarik balik sokongannya kepada Najib, menyatakan keadaan hubungan antara kaum semakin buruk dan persekitaran ekonomi semakin sukar selepas perdana menteri itu mengambil pentadbiran negara pada 2009.

Beliau memberi amaran Umno – berkuasa sejak kemerdekaan pada 1957 – berkemungkinan akan kalah pada pilihan raya umum akan datang jika Najib kekal sebagai pemimpin. – Bloomberg, 6 November, 2015.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-jumpa-polis-hari-ini-berhubung-kritikan-terhadap-najib>